



SIARAN AKHBAR

KENYATAAN DASAR AMBD 2/2019

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) hari ini telah mengeluarkan Kenyataan Dasar AMBD bagi separuh tahun kedua 2019.
2. Di dalam Kenyataan Dasar 2/2019 tersebut, AMBD menyatakan bahawa pertumbuhan ekonomi global dijangka akan meningkat sebanyak 3.0% pada tahun 2019. Ekonomi domestik telah mencatatkan peningkatan sebanyak 2.9% tahun-ke-tahun pada separuh pertama 2019. AMBD meramal kadar inflasi domestik akan berada dalam lingkungan -1% ke 0% bagi tahun 2019 dan dijangka akan berterusan pada paras yang sama bagi tahun 2020.
3. AMBD juga memaklumkan bahawa industri perbankan telah mengekalkan tahap modal yang kukuh dan berdaya tahan, *liquid assets* yang mencukupi dan peningkatan dalam pulangan keuntungan. Dalam usaha AMBD untuk melaksanakan *Basel Core Principles for Effective Banking Supervision* secara berperingkat serta pelaksanaan rangka kerja *Basel II*, bank-bank telah menghadapi laporan pertama bagi Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman ataupun *Internal Capital Adequacy Assessment Process (ICAAP)* masing-masing pada bulan Jun 2019. Kaji Selidik Persepsi Risiko (*Risk Perception Survey*) juga sedang dijalankan oleh AMBD keatas bank-bank untuk mendapatkan data dan maklumat mengenai sebarang risiko yang berpotensi wujud dalam sektor kewangan.
4. Dengan pelaksanaan rangka kerja pengawalseliaan insurans berasaskan risiko pada tahun 2017, AMBD sedang menaik taraf rangka kerja berkenaan dengan memperkenalkan sebuah *profiling tool* bagi syarikat-syarikat insurans dan pengendali-pengendali Takaful. Sebagai sebahagian daripada komitmen AMBD untuk mengukuhkan pengurusan risiko bagi sektor tersebut, AMBD telah mengeluarkan keperluan dan garis panduan bagi menetapkan piawaian mengenai amalan terbaik dalam pengurusan risiko bagi aktiviti penyumberluaran (*outsourcing*) yang material.
5. AMBD juga telah mengeluarkan *Guideline on Conducting the Regulated Activity of Giving or Offering Investment Advice* pada Oktober 2019. Seajar dengan inisiatif yang telah dikenal pasti dalam *Financial Sector Blueprint 2016-2025 (FSBP)*, AMBD telah menyediakan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan risiko bagi pengawalseliaan pengantara pasaran modal (*capital market intermediaries*).
6. Sebuah garis panduan mengenai ketelusan dan pendedahan produk atau *Guidelines on Product Transparency and Disclosure* bagi bank-bank Islam dan konvensional, syarikat-syarikat kewangan, syarikat-syarikat insurans serta pengendali-pengendali Takaful juga telah dikeluarkan. Sebagai usaha dalam memperkukuhkan pematuhan sektor perniagaan menukar wang dan kiriman wang, AMBD telah mengeluarkan syarat-syarat lesen bagi perniagaan menukar wang dan kiriman wang yang telah dipinda dan berkuatkuasa mulai 1 Jun 2019.

7. AMBD juga sedang mengemaskini *Notice on Cyber Intrusion and Incident Reporting* dan *Information Technology Risk Management Guidelines* bagi memastikan objektif-objektif notis dan garis panduan berkenaan sentiasa relevan dengan perkembangan teknologi dan sebarang isu berkaitan dengan keselamatan siber di dalam sektor kewangan. AMBD akan menubuhkan *AMBD Financial Institutions Technology Committee* sebagai platform bagi industri kewangan untuk membincangkan peluang-peluang dan isu-isu yang berkaitan dengan penggunaan teknologi yang sejajar dengan FSBP 2016-2025.
8. AMBD dijangka akan melancarkan program *AMBD Islamic Bills* (AMBD I-Bills) pada awal tahun 2020 yang merupakan salah satu usaha berterusan untuk mengembangkan *money market* yang efisien di negara ini. AMBD I-Bills ini antarlainnya bertujuan untuk membantu institusi-institusi perbankan dalam menguruskan kecairan (*liquidity management*) masing-masing dengan lebih berkesan dan cekap.
9. Kenyataan Dasar AMBD 2/2019 yang lengkap boleh didapati di laman web AMBD di www.ambd.gov.bn. Bagi maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi AMBD di talian 2388388, atau melalui emel di info@ambd.gov.bn.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Ref: AMBD/COMMS/3

Date: 29 Rabiulakhir 1441H/ 26 Disember 2019